

TALKING POINT**DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL****NAIB CANSELOR****UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS****SEMPENA PERJUMPAAN MINGGUAN BERSAMA PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI****18 APRIL 2018****DI KOMPLEKS SUKAN UniMAP, PAUH PUTRA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Negaraku Malaysia

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI

Yang Berbahagia Timbalan - timbalan Naib Canselor UniMAP

Yang Berusaha Pegawai -Pegawai Utama Universiti

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya warga Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

KATA ALU-ALUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Aza Wajalla kerana dengan limpah dan kurniaNya kita masih diberikan kesempatan untuk berkumpul di pagi yang berbahagia ini bagi mendengar amanat dan berkongsi maklumat terkini mengenai perjalanan universiti dalam Progam Perjumpaan Mingguan Bersama Pengurusan Tertinggi Universiti.

2. Terlebih dulu, ingin saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua warga UniMAP yang sentiasa memberikan komitmen pada program mingguan ini.

Hadirin dan hadirat sekalian

INFO PSIKOLOGI

TIPS HUBUNGAN SESAMA RAKAN SEKERJA

3. Minggu ini kita akan berkongsi info psikologi mengenai tip hubungan sesama rakan sekerja. Dalam setiap bidang pekerjaan yang diceburi, hubungan dengan rakan sekerja tidak harus diabaikan.
4. Selain diri sendiri, mereka juga akan memberikan impak terhadap mood bekerja. Jika hubungan itu baik, maka eloklah juga mood kerja. Namun jika sebaliknya, ia boleh menjelaskan prestasi kerja seseorang.
5. Dalam kita sibuk memenuhi tuntutan kerja yang semakin hari semakin mencabar, jangan kita abaikan hubungan dengan orang di sekeliling terutamanya rakan-rakan sekerja. Dengan menjaga hubungan baik, kualiti kendiri akan meningkat dan kepuasan kerja akan lebih dirasai. Tempat kerja akan menjadi tempat yang lebih selesa, seronok dan harmoni.
6. Tip berikut diharap dapat membantu menjalinkan hubungan baik sesama rakan sekerja anda.
 - **Bina Kemahiran Insaniah (People Skills)**
 - **Kenal pasti keperluan hubungan (Relationship Needs)**
 - **Masa untuk membina hubungan**

- Fokus kepada EI (Emotional Intelligence)
 - Menghargai rakan-rakan
 - Jadi Positif
 - Tetapkan Batasan
 - Elak Gosip
 - Mendengar secara aktif
 - Kutub Utara Kutub Selatan
7. Dalam sesbuah organisasi, kita perlu mengambil masa untuk kenal dengan rakan, berikan peluang untuk anda dan rakan tersebut untuk mencari persamaan supaya dapat melaksanakan tugas yang diberi dengan baik.
8. Beri tumpuan kepada perkara yang positif dan beri perhatian kepada yang negatif supaya konflik dapat dielakkan.

Just remember - not all relationships will be great; but you can make sure that they are, at least, workable!

Warga UniMAP yang saya kasihi

PROGRAM TELAH BERLANGSUNG

INTERNATIONAL ENGINEERING INVENTION & INNOVATION EXHIBITION (I-ENVEX) 2018

9. Alhmdulillah, pada 13 hingga 15 April lalu telah berlangsung International Engineering Invention and Innovation Exhibition (i-ENVEX) di Dewan Ilmu UniMAP.

10. Setinggi-tinggi syabas dan tahniah saya ucapkan kepada para peserta yang berjaya dalam i- ENVEX kali ini, saya berharap agar kejayaan ini memberi pendorong untuk menghasilkan inovasi yang lebih berprestij lagi di masa akan datang. Manakala bagi yang tidak berasib baik, janganlah berputus asa, cuba lagi di tahun hadapan.
11. Tahniah dan syabas juga diucapkan kepada jawatankuasa sekretariat i- ENVEX 2018 yang bertungkus lumus memastikan pertandingan tahunan ini berlangsung dengan jayanya.
12. Saya secara peribadi amat berbangga kerana selain penglibatan 16 buah negara, i-ENVEX kali ini juga turut menerima 72 penyertaan dari Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), 163 sekolah menengah dan 92 penyertaan dari UniMAP sendiri dengan jumlah keseluruhan 408 produk. Saya berharap UniMAP akan dapat meneliti inovasi atau produk yang dipertandingkan, yang mempunyai potensi tinggi untuk diterjemahkan kepada produk bernilai tinggi dan boleh memasuki pasaran.

Hadirin dan hadirat sekalian

LOI UniMAP DAN EMPIRE PARADIGMA

13. Untuk makluman semua, semalam saya telah berkesempatan untuk mengiringi DYTM Canselor UniMAP, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail ke Persidangan Pertahanan Asia (DSA) ke-16 di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC), Kuala Lumpur.

14. Di kesempatan itu, UniMAP telah menandatangani satu Surat Hasrat (Lol) bersama sebuah syarikat Empire Paradigma untuk bekerjasama dalam bidang kejuruteraan ketenteraan yang diterajui oleh Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan.
15. Pada majlis tersebut saya mewakili UniMAP manakala Empayar Paradiqma diwakili Pengarahnya, Dato'Hazizan Ahmad dengan disaksikan Tuanku Canselor.
16. Saya percaya kerjasama ini bukan sahaja membuktikan impak Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) bukan saja di peringkat akademik sahaja, malah ia merentasi pelbagai bidang dan fungsi.
17. Selain itu, kerjasama strategik ini dilihat bakal memberi kesan secara langsung dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan UniMAP.

Hadirin dan hadirat sekalian

THE BUZZ@UniMAP

18. Bersempena dengan pelancaran The BUZZ@UniMAP sebentar tadi, ia adalah salah satu inisiatif dalam menyebarkan maklumat dan berita dengan pantas dan menjimatkan. Ia diterbitkan dengan kerjasama Unit Komunikasi Korporat (UKK) dan Pusat Bahasa Antarabangsa (PBA).
19. E-Newsletter ini akan diterbitkan tiga (3) bulan sekali dan ia bagi memenuhi kehendak golongan muda yang berlumba-lumba membina komuniti siber melalui laman sosial seperti Facebook, Twitter dan YouTube.

20. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada UKK dan PBA atas penerbitan pertama The BUZZ@UniMAP ini. Marilah kita bersama-sama membantu menularkan pautan yang terdapat di Facebook dan Laman Web Rasmi UniMAP untuk menghebahkan berita-berita terkini UniMAP.

PROGRAM BAKAL BERLANGSUNG

FESTIVAL KEBUDAYAAN ANTARA KOLEJ KEDIAMAN 2018

21. Untuk makluman semua, pada 19 hingga 22 April 2018 akan berlangsung Festival Kebudayaan Antara Kolej Kediaman 2018 bertempat di Kolej Kediaman Tuan Abdul Razak (PFI 2).

22. Saya difahamkan antara pertandingan yang diadakan adalah Dikir Barat, Nasyid dan Boria melibatkan semua Kolej Kediaman UniMAP. Marilah kita bersama-sama memberikan sokongan kepada program ini supaya berjalan dengan lancar. InsyaAllah.

Hadirin dan hadirat sekalian

PENUTUP

23. Saya rasa cukup sahaja sampai di sini ini. Semoga perkongsian pada hari ini memberikan manfaat kepada kita semua. Saya sudahi dengan Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.